

PEPPERMINT SYRUP

Peppermint oil/Anise oil (0.01ml / 0.05ml per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Peppermint syrup
2. Bagaimana Peppermint syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Peppermint syrup
4. Cara menggunakan Peppermint syrup
5. Semasa menggunakan Peppermint syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Peppermint syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Peppermint syrup

Ia digunakan untuk memudahkan pengeluaran kahak.

Bagaimana Peppermint syrup berfungsi

Minyak pudina mempunyai kesan ringan dalam pengeluaran kahak, sesuai untuk batuk dengan kahak yang likat.

Sebelum menggunakan Peppermint syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Peppermint syrup jika ada alahan kepada peppermint oil, anise oil dan bahan lain dalam Peppermint syrup.

- Sebelum menggunakan Peppermint syrup

Minta nasihat doktor jika anda hamil atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Peppermint syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 - 4 camca teh.

Kanak-kanak: 1 - 2 camca teh.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Untuk digunakan 3 kali sehari. atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Peppermint syrup untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Peppermint syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Peppermint syrup.

Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi Peppermint syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Dos tinggi mungkin menyebabkan loya, muntah dan cirit-birit. Minyak pudina mungkin menyebabkan tindak balas alergi akibat kandungan menthol.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Peppermint syrup

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna perang gelap dan berperisa pudina.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: peppermint dan anise oil.
- Bahan tidak aktif: methyl parabens, propyl parabens, sodium citrate, liquid glucose, alcohol 95%, cremophor RH40, glycerin, liquid caramel, air dan sirap.

- Nombor MAL

MAL19930227X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

17/11/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)171117/00323